

Fiil Mabni li Majhul Kata Kerja Pasif

Keluaran pada kali ini akan memfokuskan tentang fiil *mabni li majhul* (الْفِعْلُ الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ) atau kata kerja pasif.


Pada dasarnya, fiil ini berkisarkan tentang kata kerja kala lampau (fiil madi) dan kata kerja masa ini (fiil mudari) yang tiada pelakunya dan fiil kategori ini sering diterjemahkan dengan imbuhan awalan di- untuk menyerlahkan ciri kata kerja pasif Arab. Contohnya, firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 61, (مَلْعُونِينَ أَيْنَمَا ثُقِفُوا أُخِذُوا وَقُتِلُوا تَقْتِيلًا) yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih, “Serta mereka tetap terlaknat. Di mana-mana sahaja mereka ditemui, mereka ditangkap dan dibunuh habis-habisan.” Ayat ini memperlihatkan ada fiil *madi li majhul* dengan tiga kali kekerapan penggunaannya (ثُقِفُوا، قُتِلُوا، أُخِذُوا) yang diterjemahkan dengan tambahan imbuhan di- serta tiada pelakunya.

Pada hakikatnya, terdapat pendekatan tertentu ketika menjana kata kerja pasif Arab dan hal ini terbahagi kepada dua, iaitu fiil *madi li majhul* dan fiil *mudari li majhul*. Fiil *madi li majhul* terbentuk apabila ada dammah pada awal kata dan kasrah pada huruf sebelum akhir (ـئـ). Contohnya, perkataan طَبِعَ (ditutup) dalam ayat 87 Surah al-Tawbah (وَطَبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ) yang kata kerja aktifnya ialah طَبَعَ, perkataan قُضِيَ (dilaksanakan) dalam ayat 44 Surah Hud (وَقُضِيَ الْأَمْرُ) yang kata kerja aktifnya ialah قَضَى.

Terbentuknya fiil *mudari majhul* apabila awalnya, iaitu huruf *anita* (أَنْبِت) datang dengan dammah dan ada fathah pada huruf sebelum akhir (ـئـ). Contohnya, ayat 48 Surah al-Baqarah (وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ) menunjukkan penggunaan fiil *mudari majhul*, iaitu perkataan يُقْبَلُ (diterima) yang kata kerja aktifnya ialah قَبِلَ dan perkataan يُؤْخَذُ (diambil) yang kata kerja aktifnya ialah أَخَذَ.

Pada hakikatnya, terdapat perkaitan antara kata kerja pasif dengan elemen *naib fa'il* (pengganti pelaku). Majoriti sarjana linguistik Arab menegaskan bahawa *naib fa'il* pada asalnya ialah *maf'ul bih* bagi kata kerja aktif. Namun begitu, apabila kata kerja tersebut ditukar kepada kata kerja pasif, maka wujudnya elemen

naib fa'il. Contohnya, ujaran قَرَأَ الطَّالِبُ الْكِتَابَ (pelajar membaca buku) mengandungi kata kerja aktif (قَرَأَ), pelaku (الطَّالِبُ) dan objeknya (الْكِتَابُ). Namun begitu, apabila kata kerja berkenaan diubah kepada kata kerja pasif, iaitu قُرِئَ (dibaca), maka laras ayat menjadi قُرِئَ الْكِتَابُ (buku dibaca), iaitu perkataan *marfu'* dengan dammah yang berfungsi sebagai *naib fa'il*. Jika diamati, terdapat dua cara untuk mengenal pasti elemen *naib fa'il* dalam sesuatu ujaran, dan hal ini dipaparkan dalam rajah yang berikut:



Rajah Kaedah penentuan elemen *naib fa'il*.

Rajah menunjukkan pendekatan untuk mengenal pasti elemen *naib fa'il* yang bergantung pada jenis *damir* yang melatari sesuatu kata kerja pasif Arab. Jika ada *damir* هُوَ atau هِيَ yang melatari kata kerja pasif, maka pada kebiasaannya elemen *naib fa'il*nya berbentuk isim *marfu'*. Ayat 14 Surah al-Haqqah (وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ) mengandungi fiil *madi majhul* حُمِلَتْ (diangkat) dengan *damir* هِيَ. Maka itu, tidak hairanlah apabila ada perkataan الْأَرْضُ (bumi) yang *marfu'* dengan dammah memandangkan fungsinya sebagai *naib fa'il*.

Suatu yang pasti adalah apabila sesuatu kata kerja pasif mengandungi *damir* selain هُوَ atau هِيَ, maka elemen *naib fa'il*nya berbentuk *damir* yang melatari kata kerja berkenaan. Ayat 38 Surah al-An'am (ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ) menyerlahkan penggunaan fiil *mudari majhul* يُحْشَرُونَ (dihimpunkan) yang mengandungi *damir* هُمْ (mereka). Oleh sebab itu, elemen pengganti pelakunya ialah kata ganti nama tersebut (هُم).